

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]  
SOALAN :**

**YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan rakyat luar bandar dapat dipertingkatkan dan dijamin, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menempatkan lebih ramai doktor pakar atau mendirikan lagi hospital di kawasan luar bandar khususnya

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai rancangan telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menambahkan lagi bilangan pakar untuk menjamin perkhidmatan kesihatan rakyat termasuklah bagi rakyat di luar bandar. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah seperti menambahkan slot tajaan bagi program sarjana kepakaran perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 slot mulai sesi 2010/2011, 800 slot mulai sesi 2011/2012 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1000 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu,

diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

Selain itu, bagi menggalakkan lebih ramai pakar berkhidmat di pedalaman, Kabinet dalam mesyuarat 14 September 2011 telah memutuskan penempatan di Sabah dan Sarawak dibuat secara giliran dalam tempoh minima selama 6 bulan.

Pelbagai insentif juga turut disediakan untuk membantu menggalakkan lagi pakar perubatan bertugas di kawasan pedalaman misalnya:

- i. Memberikan elaun-elaun tambahan contohnya elaun perumahan dan elaun wilayah; dan
- ii. Memberikan merit yang lebih kepada calon dari pedalaman yang ingin meneruskan pelajaran dalam bidang subkepakaran.

Seterusnya kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan bilangan pakar seperti berikut:

- i. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional; dan
- iv. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air